

Siswa hasilkan CD bantu kanak-kanak sumbing

SEKUMPULAN mahasiswa universiti telah menggembleng tenaga menghasilkan cakera padat 15 lagu Melayu untuk mengumpul dana bagi kanak-kanak yang menderita sumbing bibir.

Lebih 1,000 salinan CD itu – *Projek Cleft, Sebalik Senyuman Sehebat Cinta* – dihasilkan kumpulan 13 pelajar Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) itu.

CD itu, yang turut mengandungi sebuah lagu puisi yang khas dihasilkan pelajar SMU, dilancar kelmarin di Restoran Tepak Sireh.

Menurut ketua penyelaras projek itu, Encik Mohamad Izzat Hamzah, 21 tahun, usaha itu juga bertujuan meningkatkan perkembangan para pelajar menerusi seni dan bahasa Melayu.

“Kami berharap projek ini dapat meningkatkan kesedaran ramai mengenai *Operation Smile* dan menggalak lebih ramai belia tampil dan memulakan keusahawanan sosial,” kata mahasiswa tahun kedua SMU itu.

Bagi menggalak penjualan CD itu, tiga persembahan jalanan amal akan diadakan pada 20 Oktober di Restoran Badoque; 31 Oktober di Kafe Blu Jaz; dan 11 Disember di *scape@Youth Park.

Bagi mendapatkan CD berharga \$15 itu sila e-mel kepada projectcleft@gmail.com.